



SIARAN AKHBAR

WAKTU OPERASI AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA CUTI SYAWAL 1441H/2020M

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan bahawa, bagi menyambut kedatangan bulan Syawal 1441H/ 2020M, pejabat AMBD akan ditutup mulai hari Isnin, 25 Mei 2020M sehingga Rabu, 27 Mei 2020M dan akan dibuka semula pada hari Khamis, 28 Mei 2020M.
2. Sistem *Real Time Gross Settlement* (RTGS) AMBD, sistem *Automated Clearing House* (ACH) dan sistem *Central Securities Depository* (CSD) juga akan mula beroperasi seperti biasa mulai hari Khamis, 28 Mei 2020M.
3. AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai mengenai operasi bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam AMBD selepas cuti awam Syawal 1441H/2020M adalah seperti berikut:

Biro Kredit (Self-Inquiry Reports and Dispute Resolution)

Isnin – Khamis	8.00 pagi – 11.30 pagi 1.45 ptg – 3.30 ptg
Jumaat	8.15 pagi – 10.30 pagi

Isu Pengguna Kewangan AMBD

Perjumpaan melalui perjanjian sahaja. Orang ramai juga boleh menghubungi pihak Isu Pengguna Kewangan melalui emel fci@ambd.gov.bn atau di talian 2380007 semasa waktu bekerja.

Kaunter Baki Tidak Di Tuntut (Unclaimed Balances Counter)

Perjumpaan melalui perjanjian sahaja. Orang ramai juga boleh menghantar permohonan bagi baki yang tidak dituntut melalui emel ke banking.ucb@ambd.gov.bn. Maklumat lanjut mengenai proses permohonan boleh didapati melalui pautan <https://www.ambd.gov.bn/consumer/unclaimed-money>. Orang ramai juga boleh menghubungi talian 2380975 semasa waktu bekerja bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenainya.

Galeri Mata Wang AMBD dan Gift Shop

Ditutup. Walau bagaimanapun, beberapa mata wang kenang-kenangan boleh diperolehi dari cawangan-cawangan Aewon *Garment and Embroidery* di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Radisson Hotel Brunei.

Mesin Deposit Duit Syiling AMBD

Ditutup. Sebagai alternatif, orang ramai boleh membuat deposit syiling untuk dimasukkan ke dalam akaun bank melalui bank masing-masing.

4. AMBD ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dialami dan seterusnya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ***Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin.***

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: Ramadhan 1441H/ Mei 2020M

Rujukan: AMBD/COMMS/3